

▼02/09/18-10MST

CNS5718

U GB 02-09 00201 BA550

BAH

NAM; MAHATHIR TIDAK BERCITA-CITA JADI JURUCAKAP DUNIA KETIGA

NAM: Mahathir

Daripada Ahmad Zukiman Zain

I

JAKARTA, 2 Sept.(Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak berhasrat menjadi jurucakap Dunia Ketiga tetapi akan terus menyuarakan masalah yang dihadapi negara-negara miskin dan sedang membangun.

+Saya tidak bercita-cita hendak menjadi jurucakap Dunia Ketiga tetapi saya akan terus menyuarakan perkara yang saya percaya benar walaupun menyakiti orang lain,+ katanya pada persidangan akhbar di Pusat Konvensyen Jakarta disini, tempat beliau menghadiri Persidangan Kemuncak Pertubuhan Negara Berkecuali (NAM) Ke-10.

Apabila seorang pemberita, yang menyifatkan Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin muda yang baran dari sebuah negara baru, bertanya, apa yang +digaduhkannya+ terhadap dunia selam ini terutama dengan negara Barat, Perdana Menteri tersenyum dan berkata :

+Saya sebenarnya bukan mudalagi. Umur saya 68 tahun. Saya dilahirkan pada Disember 1925...tetapi saya bersetuju yang negara saya masih muda.

+Kami tidak bergaduh dengan sesiapa tetapi kami mahu bercakap perkara yang benar,+ kata Dr Mahathir, yang antara lain, kesal dengan sikap Barat yang tidak memandang berat usaha menyelamatkan rakyat Bosnia daripada penindasan yuak Serbia semasa berucap pada persidangan kemuncak itu semalam.

-- Lagi.

▼02/09/21-37MST

CNS5720

U GB 02-09 00150 BA551

BAH

NAM - Mahathir 2 (Jakarta)

\* Beliau juga mempersoalkan komposisi anggota dalam Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan berkata, negara-negara yang menang dalam Perang Dunia Kedua tidak boleh dibenarkan terus menjejaskan kedudukan relatif negara lain di dunia.

+Saya mahu bertanya sesiapa yang boleh mengatakan apa yang saya sebutkan semalam adalah bohong.. ia semuanya berdasarkan fakta.

+Saya hanya bercakap apa yang benar. Orang akan mendapati bahawa kebenaran itu bukanlah terlalu pedih bagi mereka.

+Begitu juga apabila mereka mengeluarkan kata-kata kesat dan kadangkala bohong mengenai kami, kami terpaksa berhadapan dengan mereka kerana kita tidak mempunyai apa-apa untuk membalas balik perbuatan mereka itu,+ katanya kepada wartawan.

Ketika ditanyasamaada beliau bersetuju dengan cadangan bahawa beliau adalah +Sukarno Kecil+, Dr Mahathir berkata, beliau tidak tahu mengapa orang harus menyamakan beliau dengan bekas pemimpin Indonesia itu, yang menjadi salah seorang pengasas NAM. -- Lagi.

▼02/09/21-45MST

CNS5722

U GB 02-09 00122 BA552

BAH

Mahathir - Pemimpin 3 Jakarta

+Saya tidak meminta untuk disamakan dengan pemimpin agung Indonesia itu,+ katanya dan menambah kata bahwa di Malaysia, beliau hanya dikenali sebagai +Mahathir yang kecil+.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak fikir kata-katanya terhadap Barat terutamanya Amerika Syarikat akan menjejaskan peluang NAM mendapatkan bantuan daripada negara kaya atau menjejaskan hubungan dua hala dengan Malaysia.

+Amerika Syarikat ialah negara pelabur kelima besarnya di Malaysia,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak akan mempengaruhi NAM tetapi memainkan peranannya seperti yang dikehendaki sebagai sebuah negara anggota.

+Saya tidak fikir sebarang negara tertentu boleh menguasai pergerakan ini. Kami tidak berada di sini untuk mengalihkan perhatian atau mempengaruhi keputusan yang dibuat,+ katanya. -- Lagi.

♥02/09/21-48MST

CNS5728

R GB 02-09 00116 BH297

Bah

Mahathir - Pemimpin 4 (Akhir) Jakarta

Terdahulu itu, Dr Mahathir ditemui Perdana Menteri Bangladesh, Begum Khaleda Zia dan Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Sharif untuk perbincangan dua hala secara berasingan.

Kedua-dua mereka menyampaikan jemputan kepada Dr Mahathir untuk melawat negara mereka dan bertukar-tukar pendapat mengenai NAM.

Begum Khaleda Zia meminta bantuan kepakaran dari Malaysia dalam bidang perladangan kelapa sawit, getah dan kelapa serta mengambil lebih ramai pekerja dari Bangladesh, kata Pemangku Ketua Setiausaha Hal Ehwal Luar, Datuk Abdul Halim A3.i.

Perdana Menteri juga menemui Menteri Luar Bosnia-Herzegovina, Dr Haris Siladzic, yang meminta bantuan kewangan daripada Malaysia untuk rakyat Bosnia bagi menghadapi musim sejuk. -- Bernama

♥02/09/22-05MST